



SIARAN MEDIA

USAHA BERSEPADU DIPERKUKUH TANGANI ISU GANGGUAN SEKSUAL

KUALA LUMPUR , 19 MEI : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus memperkukuh kerjasama strategik dalam usaha menangani isu gangguan seksual menerusi pendekatan bersepadu yang menumpukan aspek pencegahan, pendidikan, advokasi dan penguatkuasaan undang-undang demi mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan kondusif untuk semua lapisan masyarakat.

Demikian menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri, ketika hadir merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan: *Say No To Sexual Harassment*.

Program dianjurkan KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) ini adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu gangguan seksual yang bukan sahaja menjejaskan maruah dan keselamatan individu, malah memberi kesan kepada kesejahteraan sosial serta produktiviti negara.

Tambahnya lagi kerajaan telah memperkukuh usaha menangani isu ini, antaranya ialah dengan menggubal Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]. Penguatkuasaan menyeluruh adalah merangkumi penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) yang berperanan sebagai platform alternatif bagi menyelesaikan aduan kes gangguan seksual dengan lebih cepat, mudah dan berpatutan untuk mangsa menuntut hak mereka.

Berdasarkan laporan TAGS, sehingga 26 April 2026, sebanyak 92 aduan telah difailkan, dengan 67 daripadanya berjaya diselesaikan. Pencapaian ini membuktikan bahawa tribunal ini berkesan dalam mempercepat proses menyampaikan keadilan kepada mangsa.

Statistik PDRM menunjukkan peningkatan yang amat ketara dan membimbangkan dengan 477 kes gangguan seksual direkodkan pada tahun 2022, meningkat kepada 522 kes pada tahun 2023, dan melonjak kepada 788 kes pada tahun 2024, sebelum terus meningkat kepada 1,038 kes pada tahun 2025. Kenaikan berterusan ini jelas menggambarkan bahawa isu ini semakin serius dan memerlukan tindakan bersepadu semua pihak.

Dalam masa yang sama, Jabatan Pembangunan Wanita turut mempergiat pelaksanaan program advokasi *Women, Peace and Security (WPS)* sebagai usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penglibatan wanita dalam aspek keamanan, keselamatan dan pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, program pada hari ini juga selari dengan inisiatif *National Action Plan: Women Peace and Security 2025-2030* (NAP WPS) yang menegaskan komitmen negara dalam memperkukuh peranan wanita sebagai pemangkin keamanan dan pembangunan mampan.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Dr Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, YBrs. Puan Hanani Binti Sapit dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
19 MEI 2026**